

Headline	Giant komited tambah derma		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	54	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	169 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,148
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,444



Giant komited tambah derma

GIANT sebagai salah satu daripada rakan kongsi terawal Yayasan MyKasih meningkatkan sumbangan kewangannya dalam menyediakan bantuan makanan kepada isi rumah berpendapatan rendah dengan tambahan derma sebanyak RM470,000 kepada programnya.

Cek sumbangan diserahkan Pengarah Pemasaran GCH Retail Malaysia Sdn Bhd, Ruben Brusch, kepada Pengarah Urusan MyKasih, Jeffrey Perera, baru-baru ini

Ruben berkata, di bawah kerjasama ini, rangkaian kedai-kedai Giant berfungsi sebagai saluran pengagihan di mana keluarga penerima mempunyai akses mudah untuk mendapatkan keperluan harian pada harga yang rendah setiap hari.

"Sejajar dengan objektif tanggungjawab korporat kami, kami menyumbang sebahagian daripada peratusan hasil jualan barangan yang dibeli melalui program ini kepada Yayasan MyKasih untuk terus membantu aktiviti pembangunan komunitinya," katanya.



Dari kiri: Jeffrey Perera, Ruben, Pengarah Operasi Runcit GCH Retail Malaysia, Ruaid Swart dan Pengurus Besar Pemasaran, GCH Retail Malaysia, Norine Erica Majaman pada upacara penyerahan cek sumbangan.

Tahun lalu menurutnya, GCH Retail Malaysia juga memulakan program pengambilan pekerja untuk ahli keluarga penerima MyKasih.

Satu siri temuduga untuk keluarga penerima MyKasih diadakan

di tiga pasar raya besar Giant iaitu di Puchong, Batu Caves dan Cheras.

Daripada 40 pemohon MyKasih yang ditemuduga, lapan daripadanya ditawarkan pekerjaan dan telah mula bekerja di pasar raya Giant.